

**PENGARUH PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA  
DAN KESANNYA KE ATAS  
PERTUMBUHAN INDUSTRI BINAAN DI INDONESIA**

**ICHSAN KURNIAWAN**

Laporan penyelidikan ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Jabatan Ukur Bahan  
Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

**4 MAC 2002**

## **ABSTRAK**

Industri binaan merupakan salah satu sektor dalam ekonomi yang mempunyai peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pertumbuhan industri binaan berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara. Projek Sarjana Muda ini mengkaji kesan perkembangan ekonomi negara ke atas pertumbuhan industri binaan di Indonesia. Kajian ini adalah kajian dokumentasi yang menganalisis data-data statistik berkaitan pertumbuhan ekonomi dan industri binaan di Indonesia dari tahun 1969 hingga 2000. Dari hasil analisis yang diperolehi di dapati bahawa selama tempoh 30 tahun ekonomi Indonesia mengalami banyak perubahan. Perubahan samada dari segi struktur ekonomi mahupun sasaran pembangunan telah memberi kesan langsung ke atas pertumbuhan industri binaan. Dari awal pembangunan yang terancang pada tahun 1969 sehinggalah berlakunya krisis ekonomi tahun 1997, output industri binaan menunjukkan peningkatan dan pertumbuhan yang baik dari tahun ke tahun. Peratus sumbangan industri binaan ke atas KDNK negara, komposisi output industri binaan yang berlainan serta pelaburan dalam industri binaan juga meningkat dan menunjukkan nilai yang baik. Hal ini dapat ditunjukkan seperti pada tahun 1996 iaitu bilamana ekonomi negara berkembang dengan baik, pertumbuhan industri binaan mencapai angka 12.76% dimana angka ini lebih baik berbanding dengan pertumbuhan ekonomi negara yang hanya mencapai 7.82%. Sebaliknya bilamana berlaku krisis ekonomi pada tahun 1997, kesemua indikator industri binaan tersebut menunjukkan penurunan yang cukup bererti samada dari segi nilai mahupun peratusnya. Contohnya, pertumbuhan industri binaan pada tahun 1998 mengalami penurunan hingga -36.44% dimana angka ini lebih teruk berbanding dengan pertumbuhan ekonomi sendiri yang mencapai -13.13%. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pertumbuhan industri binaan di Indonesia sangat dipengaruhi dan berkait rapat dengan perkembangan ekonomi negara.

## ABSTRACT

Construction industry is one of important sector in economy which plays important role in country's economic growth. Construction industry's growth has close relation with the development of country's economic. This degree reseach is to analyse the impact of economic development to the growth of construction industry in Indonesia. This reseach is a documentary research which is to analyse the statistical data on economic and construction industry's growth in Indonesia from year 1969 until 2000. From the analysis result, it was obtained that within 30 years of development, Indonesia's economy has undergone many changes and fluctuations from year to year. The changes happened are in terms of economic structure and target of development has given direct impact to the growth of construction industry. From the beginning of planned country's development in year 1969 until economic crisis in 1997, construction industry's output had shown improvement and positif growth. The percentage contribution of construction industry to GDP, different composition of construction industry's output and investment in the industry also increased. This facts could be found in 1996 whenever Indonesia's economy was in good and stable condition, the growth of construction industry had reached 17.76%, where this figure was better than economic's growth which was only 7.82%. On the contrary, as a result of economic crisis in 1997, all indicators in construction industry had significantly felt down both its value or percentage. For instance, the growth of construction industry in 1998 had dropped to -36.44% where this figure was worse compared to economic's growth of -13.13%. This reseach has shown that growth of construction industry in Indonesia is much affected and close related to economy developmet.